

MB, KM bincang usaha kukuh sistem pendidikan sekolah kebangsaan

UM 2 NOV 2002

PUTRAJAYA 1 Nov. — Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-87 di Pejabat Perdana Menteri di sini hari ini membincangkan usaha untuk mengukuhkan semula sistem pendidikan sekolah kebangsaan sebagai tulang belakang pendidikan nasional.

Antara usaha ke arah itu ialah menjadikan sekolah kebangsaan menarik untuk semua kaum tanpa mengira agama dan bahasa.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri, mesyuarat yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu turut membincangkan usaha mengembangkan program 'satu industri satu daerah' yang melibatkan banyak produk.

Program itu lebih luas daripada program sebelumnya iaitu 'satu produk satu kampung'.

Mesyuarat hari ini juga memutuskan untuk mengadakan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri lebih kerap iaitu setiap enam minggu.

Sebelum ini, mesyuarat hanya diadakan apabila Mesyuarat Majlis Raja-Raja bersidang di Kuala Lumpur.

Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-195 selama dua hari di Istana Negara berakhir semalam.

Menurut kenyataan itu lagi, mesyuarat hari ini dihadiri semua Menteri Besar dan Ketua Menteri kecuali Kelantan dan Terengganu.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa Menteri Kabinet.

Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri akan disambung ke satu tarikh yang akan ditetapkan kelak.